



## SOALAN-SOALAN LAZIM

### PAKEJ PERANTI RM1 MALAYSIA PRIHATIN

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

#### 1. Apakah itu Pakej Peranti RM1 Malaysia Prihatin?

- Pakej Peranti RM1 Malaysia Prihatin adalah sebuah inisiatif yang membolehkan semua warganegara Malaysia untuk memiliki/menaik taraf peranti mudah alih terpilih yang bertaraf 4G VoLTE, pada harga mampu milik bermula dari RM1. Inisiatif ini memberi peluang kepada setiap rakyat untuk memiliki/menaik taraf peranti mudah alih yang terkini bagi menikmati kesalinghubungan yang baik dan mempertingkatkan produktiviti. Pakej ini tertakluk kepada terma dan syarat yang ditetapkan oleh penyedia perkhidmatan mudah alih.



**2. Syarikat manakah yang terlibat dalam menyediakan pakej ini?**

- Pihak yang terlibat dalam inisiatif ini adalah Celcom Axiata Berhad (Celcom), Digi Telecommunications Sdn Bhd (Digi), Maxis Berhad (Maxis), U Mobile Sdn Bhd (U Mobile), Telekom Malaysia Berhad (TM) dan YTL Communications Sdn Bhd (YES).

**3. Siapakah yang boleh memanfaatkan Pakej Peranti RM1 Malaysia Prihatin?**

- Semua warganegara dialu-alukan untuk melanggan dan memanfaatkan pakej ini yang akan ditawarkan bermula dari 16 Ogos 2021 sehingga 16 September 2021, bersempena Hari Kebangsaan dan Hari Malaysia. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

**4. Sekiranya saya melanggan pakej ini, adakah saya akan terikat kepada kontrak?**

- **Ya.** Sekiranya anda melanggan pakej ini, talian baharu anda itu akan terikat kepada kontrak 24 bulan. Bagi pelanggan sedia ada yang tidak berkontrak, kontrak baharu akan dikenakan terhadap talian utama anda. Pengikatan sedemikian adalah berikutan peranti yang dilanggan. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

**5. Adakah pengguna prabayar layak untuk melanggan pakej ini?**

- **Tidak.** Pakej ini hanya terbuka kepada langganan pascabayar yang baharu atau sedia ada yang mana pemohon akan terikat kepada kontrak selama 24 bulan.



**6. Apakah pelan yang ditawarkan di bawah pakej ini?**

- Bagi yang berminat, pakej yang ditawarkan boleh diketahui dengan lebih lanjut di laman sesawang penyedia perkhidmatan yang terlibat. Berikut adalah pautan-pautan tersebut:

<b>Penyedia Perkhidmatan</b>	<b>Pautan Laman Sesawang untuk Rujukan</b>
Celcom	<a href="https://www.celcom.com.my/personal/merdeka-2021">https://www.celcom.com.my/personal/merdeka-2021</a>
Digi	<a href="http://digi.my/gemilang">http://digi.my/gemilang</a>
Maxis	<a href="https://www.maxis.com.my/en/faq/promotions/mobile/rm1-devices/">https://www.maxis.com.my/en/faq/promotions/mobile/rm1-devices/</a>
U Mobile	<a href="http://www.u.com.my/RM0.99devices">http://www.u.com.my/RM0.99devices</a>
TM	<a href="https://unifi.com.my/smartdevice/mobile">https://unifi.com.my/smartdevice/mobile</a>
YES	<a href="https://www.yes.my/#merdeka">https://www.yes.my/#merdeka</a>

**Nota:** Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan pautan soalan-soalan lazim terkini

**7. Sekiranya kawasan kediaman saya tidak mempunyai sebarang liputan, bolehkah saya membatalkan kontrak ini?**

- Sebarang penamatan awal akan menyebabkan penalti seperti yang ditetapkan dalam kontrak. Anda disarankan untuk memeriksa terlebih dahulu sekiranya ketersediaan rangkaian liputan boleh diterima di kawasan anda melalui laman sesawang <https://jendela.my/map/>. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.



**8. Adakah penyedia perkhidmatan akan mengenakan bayaran pendahuluan untuk pakej ini?**

- Terdapat bayaran pendahuluan bagi pakej ini dan ia akan dikembalikan kepada pengguna. Bayaran pendahuluan diperlukan tertakluk kepada laporan kredit. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

**9. Sekiranya saya menamatkan langganan sebelum tamatnya tempoh kontrak, adakah penyedia perkhidmatan akan mengenakan sebarang denda?**

- **Ya.** Pelanggan mesti melengkapkan keseluruhan tempoh kontrak selama 24 bulan bagi mengelakkan denda dikenakan oleh penyedia perkhidmatan masing-masing. Jika kontrak tersebut ditamatkan lebih awal, pihak penyedia perkhidmatan akan mengenakan caj denda bagi penamatan tersebut. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk maklumat lebih lanjut.

*Soalan-soalan lazim ini dikemas kini pada 24 Ogos 2021 dan tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa. Sila rujuk kepada penyedia perkhidmatan masing-masing untuk mendapatkan maklumat terkini.*

**Disediakan oleh:  
Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)**

